



جامعة السلطان الشري夫 على الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5310

**Nama Kursus : Undang-Undang Acara Jenayah
Syariah & Sivil (Mal)**

Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah

Masa : 3 jam

Rujukan dibenarkan:

- i. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.
- ii. Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7 (Bahasa Melayu).
- iii. Perintah Acara Mal, 2005.

Nota :

1. Jawab **DUA** soalan sahaja dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan sahaja dari **BAHAGIAN B**.
2. Soalan pertama dari setiap bahagian adalah **SOALAN WAJIB**.

BAHAGIAN A

(SOALAN WAJIB)

SOALAN PERTAMA [15 markah]:

Antara kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) adalah melakukan tangkapan, geledahan dan merekodkan pernyataan.

1. Jelaskan secara ringkas tetapi padat:-

- i. Keadaan-keadaan yang PPA boleh membuat tangkapan tanpa waran,
(3 markah)
- ii. Geledahan ke atas tubuh badan,
(3.5 markah)
- iii. Nilai suatu pernyataan yang mengandungi satu pengakuan salah.
(2 markah)

2. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh PPA menurut undang-undang apabila:-

- i. Orang yang hendak ditangkap menghalang usaha PPA untuk menangkapnya,
(1 markah)
- ii. Orang yang hendak ditangkap itu memasuki suatu tempat yang tertutup,
(1.5 markah)
- iii. PPA mendapati orang yang disyaki dan barang kes yang relevan semasa menjalankan geledahan di suatu tempat,

(2 markah)

iv. PPA merekodkan pernyataan orang yang dituduh.

(2 markah)

SOALAN KEDUA [10 markah]:

Tuduhan hendaklah mengandungi ‘butir-butir yang mencukupi’ tentang kesalahan yang dipertuduhkan. Di dalam perbicaraan, tuduhan itu akan dibacakan dan diterangkan kepada orang yang dituduh sebelum pengakuannya direkodkan:

- i. Sebutkan butir-butir yang mencukupi itu. (4 markah)
- ii. Jelaskan kesan kesilapan dalam menyatakan butir-butir yang perlu dalam tuduhan. (2 markah)
- iii. Nyatakan prosedur perbicaraan apabila orang yang dituduh dipanggil membela diri oleh Mahkamah. (4 markah)

SOALAN KETIGA [10 markah]:

Jelaskan satu(1) isu undang-undang yang dibangkitkan, argumentasi Peguam Syarie dan keputusan Mahkamah terhadap isu tersebut di dalam setiap kes berikut :-

- i. *Pendakwa Syarie lwn. Sajeed Shah bin Abdullah [MRS/SJ/2/2009],* (5 markah)

- ii. *Pendakwa Syarie lwn. Hj Shaliheen bin Hj Kassim dan seorang lagi*
[MRHS/JEN/KB 2/2008].

(5 markah)

BAHAGIAN B

SOALAN WAJIB

SOALAN 1 [15 markah]:

1. Bab 234 Perintah Acara Mal 2005 memperuntukkan bahawa tiada apa-apa juga dalam Perintah ini boleh disifatkan menghadkan atau menjelaskan kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mempastikan tidak berlaku ketidakadilan atau penyalahgunaan proses Mahkamah.

Berikan penjelasan mengenainya.

(5 markah)

2. Bincangkan mengenai kes Mohd. Jamil Abas bin Abdullah @ James Chiew Siew Hua lwn. Sandy M. Chiew @ Martinez dengan menyentuh, tetapi bukanlah terhad, kepada beberapa perkara berikut:

- i. Fakta kes
- ii. Keputusan Mahkamah yang berkaitan
- iii. Isu kes

(5 markah)

3. Perintah Acara Mal, 2005 memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh menolak, mengembalikan atau mengarahkan pindaan terhadap suatu saman atau pliding.

Jelaskan sejauhmanakah bidangkuasa Pendaftar dalam hal tersebut.

(5 markah)

SOALAN 2 [10 markah]:

1. Plaintiff yang bernama Ahmad bin Nisfu berhasrat untuk memanggil 3 orang saksi iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub ke Mahkamah bagi membuktikan tuntutannya terhadap Defendant.

- a. Jelaskan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Plaintiff untuk memanggil saksi-saksi tersebut dengan menyatakan bab yang berkaitan?

(3 markah)

- b. Bagaimana jika sekiranya saksi-saksi tersebut ingkar untuk hadir ke Mahkamah ?

(2 markah)

2. Permohonan merupakan salah satu cara untuk memulakan prosiding di Mahkamah Syariah. Permohonan ini terbahagi kepada dua (02) jenis.

- a. Sebutkan apakah dua (02) jenis permohonan itu?

(1 markah)

b. Nyatakan prosedur untuk memulakan tindakan bagi kedua-dua permohonan tersebut?

(3 markah)

c. Berikan alasan mengapa salah satu permohonan tersebut lebih dikenali sebagai kes yang dimulakan dengan “saman”?

(1 markah)

SOALAN KETIGA [10 markah]:

Dalam membicarakan sesuatu kes, mahkamah lazimnya akan memanggil dan memutuskan kes dengan kehadiran kedua belah pihak yang bertikai (*secara inter parte*). Namun dalam keadaan tertentu, kes terpaksa didengarkan dan diputuskan dengan kehadiran sebelah pihak sahaja (*secara ex parte*).

Jelaskan apakah asas permohonan *ex parte*? Berikan satu contoh kes sebagaimana yang telah awda pelajari.

(10 markah)

بالتوفيق و النجاح